

'Hanya
nyatakan

m/s: 3

yang sebenar'

UM-18/2/2019

KUALA LUMPUR 17 Feb. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau hanya menyatakan perkara sebenarnya berlaku berhubung dakwaan Pas tidak akan menyokong UMNO dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu mendakwa, sebab utama Pas tidak menyokong UMNO kali ini adalah kerana calon yang ditentang bukan dari parti DAP seperti mana berlaku di Cameron Highlands.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir menegaskan, pemimpin tersebut tidak berhasrat mengisytiharkan perkara itu dan mereka juga memaklumkan tidak akan turun berkempen untuk calon UMNO kali ini.

"Tetapi apabila saya dengar penafian terpaksa saya sebutkan perkara yang sebenarnya berlaku, pengakuan mereka bahawa kali ini mereka tidak akan sokong UMNO tetapi mereka tidak menyebut nak menyokong Bersatu ataupun tidak, nak sokong PH (Pakatan Harapan) atau pun tidak.

"Mereka cadang untuk membuat surat bertulis yang ditandatangani oleh mereka sebagai pengakuan, tetapi mereka memberi contoh yang ditandatangani oleh Takiyuddin (Hassan) sahaja.

"Satu surat ada kepada saya tapi surat daripada (Datuk Seri Abdul) Hadi dan Menteri Besar (Terengganu) tiada," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis Pelancaran Dasar Komuniti Negara di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir mendakwa, Pas tidak akan menyokong UMNO dalam PRK DUN Semenyih dan menambah, ia turut dilengkapi dengan pengakuan secara bertulis dan ditandatangani.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, dalam pertemuan di pejabat Yayasan Al-Bukhary kelmarin, Pas ada meminta supaya wakil mereka ditempatkan dalam agensi-agensi yang meluluskan perancangan pembangunan negeri.

"Kita ada negeri-negeri tertentu yang mana tiada wakil daripada PH kita minta supaya mereka diberi tempat, sebaliknya mereka juga meminta dalam agensi-agensi yang mana kerajaan negeri tidak diberi tempat patut kita beri tempat kepada mereka," katanya.